

Jabatan Perkhidmatan Awam,  
Malaysia,  
Tingkat 9-14 Bangunan UMBC.,  
Jalan Suleiman,  
Kuala Lumpur.  
19hb. April, 1972.

Tuan,

## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 12 TAHUN 1972**

### **Sewa rumah Kerajaan bagi kelas rumah yang lebeh rendah daripada kelas yang layak di-peruntokkan**

Beberapa pertanyaan telah di-kemukakan ka-Jabatan ini mengenai kadar sewa rumah Kerajaan yang patut di-kenakan kepada pekerja2 yang mendudoki rumah2 Kerajaan mengikut kelas rumah yang lebeh rendah daripada kelas yang layak di-peruntokkan kepada mereka. Kekeliruan yang timbul oleh sebab perenggan 55 dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6/1970](#) dan perenggan 6(vi) dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6/1969](#) sabagaimana yang di-pinda oleh [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12/1971](#) mungkin telah memberi ma'ana bahawa pekerja2 yang mendudoki rumah2 Kerajaan yang lebeh rendah kelas-nya daripada yang layak di-peruntokkan kepada mereka hendak-lah di-kenakan sewa mengikut kadar yang ditetapkan bagi kelas rumah yang pekerja2 itu layak mendudoki-nya walaupun pekerja2 yang berkenaan belum pernah di-peruntokkan (allotted) kelas rumah mengikut kelayakan masing2.

2. Sabagai chontoh, katakan-lah sa-orang pekerja yang bergaji berseh sa-banyak \$190.00 sa-bulan mendudoki rumah Kerajaan kelas 'H' atau 'X' telah dikenakan sewa paling rendah, ia-itu \$10.00 sa-bulan, tetapi sabaik sahaja gaji-nya mengingkat kepada \$200.00 sa-bulan ia telah di-kenakan sewa mengikut kadar 10% daripada gaji berseh-nya, ia-itu \$20.00 sa-bulan, atas pengertian bahawa pekerja ini sekarang sudah layak mendudoki rumah Kerajaan kelas 'G' atau 'IX'. Ada-lah di-ma'alumkan bahawa pengertian saperti ini ada-lah tidak betul kerana ianya tidak selaras dengan peruntokkan yang terkandung dalam [Perintah 'Am 23, Bab 'E'](#) yang maseh berkuat-kuasa. Oleh yang demikian selagi pekerja yang bergaji lebeh daripada \$190.00 sa-bulan itu mendudoki rumah Kerajaan kelas 'H' atau 'X' dan tidak di-peruntokkan rumah Kerajaan mengikut kelas rumah yang ia berkelayakan mendudoki-nya, maka sewa rumah yang boleh di-kenakan kapada-nya hendak-lah mengikut kadar sewa yang di-tetapkan bagi kelas 'H' atau 'X' itu.

3. Dengan chontoh yang di-beri di-atas, saya di-arah mengisahkan ia-itu pekerja2 yang telah di-peruntokkan atau maseh mendudoki rumah2 Kerajaan mengikut kelas yang lebeh rendah daripada kelas rumah yang layak di-peruntokkan kepada mereka hendaklah di-kenakan sewa mengikut kadar yang di-bayar bagi

kelas rumah yang lebeh rendah itu. Walau bagaimana pun apabila pekerja2 ini di-peruntokkan rumah Kerajaan mengikut kelas yang layak di-dudoki oleh mereka dan ingkar berpindah ka-rumah2 yang di-peruntokkan itu maka mereka hendak-lah di-kenakan sewa sabanyak dua kali ganda daripada kadar sewa yang di-bayar oleh mereka bagi rumah yang kelas-nya lebeh rendah itu.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD SALLEHUDDIN BIN AHMAD  
JALALUDIN)  
Bahagian Gaji,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

Ketua2 Setia Usaha Kementerian.  
Ketua2 Pengarah Jabatan Persekutuan.  
Y.B. Setia Usaha2 Kerajaan Negeri Malaysia  
Barat.